

Ingin bercinta bimbang kecewa

? Perasaan dalam hati ini terlalu ingin mencintai dan dicintai. Namun, keinginan ini tidak pernah menjadi realiti apabila sering timbul perasaan ragu-ragu untuk bercinta.

Dewasa ini, sukar mencari lelaki yang dapat memberi kepercayaan untuk saya bercinta.

Saya melihat rakan

mengalami kepedihan apabila cinta putus di tengah jalan. Saya tidak mahu jadi seperti mereka. Tidak mahu mengalami kegagalan bercinta dan kemudian rasa kepedihannya.

Saya juga tidak yakin dan takut untuk bercinta kerana khuatir akan melanggar batasan pergaulan. Saya ingin menjadi insan

yang penuh rasa kepercayaan bahawa akan hadir cinta sejati dalam kehidupan seseorang.

MENCARI BAHAGIA, SELANGOR

! Sesuatu kepercayaan tidak datang begitu saja. Ia perlu dibina dan dialami. Jika tidak

mengalami kepercayaan, maka sukar untuk membina dan memperolehnya. Cinta perlu dibina berdasarkan kepercayaan.

Rasa takut dan ragu-ragu untuk mengalami perasaan cinta hanya akan melebarkan perasaan ragu-ragu akan kepercayaan bercinta.

Cinta dan kasih sayang

sumber keindahan hidup. Ibaratnya, hidup tanpa cinta seperti taman yang tidak berbunga. Pujangga Hamka mengatakan kehidupan ini umpama bunga, maka cinta adalah madunya. Lelaki itu prosa alam, perempuan sajaknya. Cinta itu lagu dan perkahwinan orkestranya.

Memang benar, percintaan bukan tiket untuk

melanggar batasan pergaulan antara lelaki atau perempuan melakukan dosa. Cinta boleh dibina tanpa membabitkan pergaulan yang merosakkan.

Oleh itu, untuk tidak melanggar batas pergaulan, adik perlu menjaga tatasusila dan tingkah laku ketika bercinta. Firman Allah SWT, "Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji. Dan suatu jalan yang buruk. (QS. Al-Isra : 32)

Anak imam tak solat

Remaja resah teman lelaki abaikan suruhan agama

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
rencana@hmetro.com.my

? Teman lelaki saya seorang yang baik hati, berbudi bahasa, bertanggungjawab dan sering menolong apabila saya dalam kesusahan. Saya mengenalnya sejak kami menuntut di sekolah menengah.

Kini, saya menuntut di sebuah institusi pengajian tinggi sementara teman lelaki sudah bekerja.

Teman lelaki berasal dari kampung terpencil di sebuah negeri di utara. Dia juga anak seorang imam.

Saya pula berasal dari sebuah bandar di selatan tanah air. Kami menuntut di sebuah sekolah berasrama penuh.

Masalahnya, teman lelaki selalu meninggalkan solat. Saya pelik dan tidak menyangka seorang yang datang daripada keluarga yang alim dan tinggal di kampung boleh meninggalkan solat.

Pada pemikiran saya, jika ibu bapanya alim, sepatutnya tidak timbul masalah dia meninggalkan perkara wajib seperti solat. Saya sangat mengharapkan teman lelaki dapat membimbing saya menjadi Muslimah yang baik.

Justeru, saya sedih apabila melihat dia kadangkala meninggalkan solat fardu.

Saya mahukan bakal suami seorang yang baik, bertanggungjawab dan rajin beramal ibadat.

Dari aspek lain, saya tiada masalah dengan teman

lelaki.

Namun, saya buntu dan tidak mahu perhubungan kami terputus kerana masalah ini.

DALAM DILEMA, KEDAH

! Islam mewajibkan solat fardu lima waktu sehari. Sembahyang adalah satu ibadah wajib dilakukan seperti firman Allah SWT yang bermaksud: "Katakanlah: Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku, semuanya bagi Allah, Tuhan semesta alam."

Iman tidak dapat diwarisi. Justeru, tidak hairan walaupun teman lelaki adik anak kepada seorang yang alim, dia masih meninggalkan sembahyang.

Natijahnya, ibu bapa bukan sebab utama berrimannya seorang anak. Namun, tidak dapat dinafikan ibu bapa contoh paling hampir untuk anak mem-

bentuk keperibadian dan keimanan kerana mereka yang dilihat anak setiap hari.

Iman seseorang juga bukan terletak sama ada berasal dari kampung atau bandar. Ia juga tanpa mengira anak siapa. Keimanan memerlukan amalan.

Memandangkan teman lelaki mempercayai adik, ia boleh digunakan untuk berbincang daripada hati ke hati kerana kewajipan menunaikan sembahyang lima waktu tiada kompromi.

Ini adalah satu usaha berdakwah yang sangat baik kerana Islam amat menggalakkan umatnya saling mengingatkan.

Firman Allah SWT dalam surah An-Nahl ayat 125 yang maksudnya: "Serulah (manusia) ke jalan Tuhanmu dengan kebijaksanaan dan pengajaran yang baik dan berbantahlah (berdebat) dengan mereka dengan jalan terbaik..."

